سوروهنجاي ڤرخدمتن نڬري ترڠڬانو

SURUHANJAYA PERKHIDMATAN NEGERI TERENGGANU

# PENYATA TAHUNAN 2022

# ISI KANDUNGAN

**05**
PERUTUSAN **PENGERUSI**

**06**
**PIAGAM** PELANGGAN

**07**
ARAH **TUJU**

**08**
**CARTA** ORGANISASI

**14**
**PENGENALAN**

**17**
**PERUNTUKAN** TAHUN 2022

**20**
**PERKHIDMATAN** JABATAN

**36**
**AKTIVITI** TAHUN 2022

# PERUTUSAN
# **PENGERUSI**

**DATO' HAJI MOHD AKIL BIN HAJI MAT**

*D.P.M.T., S.M.Z., K.M.N., P.J.C., P.J.K.*

Pengerusi



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh Dan Salam Sejahtera

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izinNya Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri Terengganu berjaya menyiapkan Laporan Tahunan 2022 sepertimana yang telah ditetapkan dalam Fasal 56 (13) Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Negeri Terengganu (Bab yang Pertama) (Pindaan) Tahun 1959.

Laporan Tahunan 2022 ini disediakan bagi tujuan membentangkan segala aktiviti-aktiviti dan pencapaian yang telah diperolehi di sepanjang tahun 2022 dan semua ini tidak dapat dicapai tanpa kerjasama Ahli-ahli Suruhanjaya dan kegigihan usaha pegawai dan anggota-anggota kerja Suruhanjaya sepanjang masa.

Sepanjang tahun 2022, SPNT telah mengorak langkah sebagai Pihak Berkuasa Melantik yang terunggul dan berwibawa baik dari segi fungsi dan peranannya sejajar dengan peruntukan dalam Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Negeri Terengganu, mahupun usaha-usaha transformasi yang telah dijalankan. Usaha transformasi yang telah, sedang dan akan dilaksanakan oleh pihak SPNT ini adalah selari dengan usaha kerajaan dalam mencapai hasrat Terengganu Maju, Berkat, Sejahtera.

Berbekalkan semangat dan iltizam untuk meletakkan SPNT di hadapan dan dinamik, pelbagai usaha telah dijalankan sepanjang tahun 2022. Suruhanjaya juga telah mengkaji pelbagai dasar dan peraturan SPNT yang sedia ada untuk terus dinamik dan sentiasa peka dengan kehendak perubahan semasa ke arah merakyatkan perkhidmatan awam.

Akhir kata, Suruhanjaya juga ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Yang Berhormat Mulia Setiausaha Kerajaan Negeri, Yang Berhormat Pegawai Kewangan Negeri, Yang Berhormat Penasihat Undang-Undang Negeri, Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Terengganu dan semua Ketua Jabatan Negeri dan Persekutuan yang sentiasa memberikan bantuan serta sokongan kepada Suruhanjaya dalam melaksanakan semua tanggungjawab yang telah diamanahkan.




1. Menyelesaikan keputusan temu duga dalam masa tiga (3) bulan selepas tarikh terakhir temu duga
2. Memastikan pengesahan dalam perkhidmatan dan kemasukan dalam perjawatan berpencen dapat diselesaikan dalam tempoh lima (5) hari bekerja dari tarikh penerimaan dokumen yang lengkap
3. Memastikan proses pelanjutan tempoh percubaan, penetapan gaji permulaan, pertukaran perkhidmatan, penurunan kuasa melantik, rayuan perkara-perkara perjawatan dan rayuan kenaikan pangkat dapat diselesaikan dalam tempoh lima (5) hari bekerja selepas Persidangan Bulanan Suruhanjaya
4. Rayuan hukuman tatatertib dan tindakan tatatertib dapat diselesaikan dalam tempoh lima (5) hari bekerja selepas Persidangan Suruhanjaya Lembaga Rayuan

# ARAH TUJU

| VISI | MISI | MOTO | KOD ETIKA |
|---|---|---|---|
| Menjadi sebuah Suruhanjaya yang unggul berteraskan teknologi terkini dalam pentadbiran bagi memenuhi citarasa pelanggan. | Menerapkan kecemerlangan dan ketelusan ke arah mencapai hasrat bagi membantu Kerajaan Negeri dalam mewujudkan perkhidmatan awam yang berkualiti. | "MUDAH, CEPAT DAN ADIL" | "DISIPLIN DAN AMANAH DALAM SEMUA TINDAKAN" |

## DASAR KUALITI

Untuk memastikan segala urusan di bawah bidang kuasa Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri, Terengganu dilaksanakan dengan berkesan dalam tempoh yang ditetapkan dan memenuhi kehendak pelanggan.

## OBJEKTIF KUALITI

- Memastikan permintaan pengisian kakitangan dalam Perkhidmatan Awam Negeri Terengganu dapat dilaksanakan dalam tempoh sembilan (9) bulan dari tarikh iklan kekosongan jawatan ditutup.
- Memastikan urusan pengesahan dalam perkhidmatan dan kemasukan dalam perjawatan berpencen diselesaikan dalam tempoh lima (5) hari bekerja dari tarikh penerimaan dokumen yang lengkap.
- Memastikan urusan pelanjutan tempoh percubaan, penetapan gaji permulaan dan pertukaran perkhidmatan diselesaikan dalam tempoh lima (5) hari bekerja selepas Persidangan bulanan Suruhanjaya.
- Memastikan rayuan kenaikan pangkat diselesaikan dalam tempoh lima (5) hari bekerja selepas Persidangan Lembaga Rayuan Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam Negeri Terengganu.
- Memastikan rayuan hukuman tatatertib diselesaikan dalam tempoh lima (5) hari bekerja selepas Persidangan Lembaga Rayuan Tatatertib Perkhidmatan Awam Negeri Terengganu.

## PENGERUSI



**YBHG. DATO' HAJI MOHD AKIL BIN HAJI MAT**
*D.P.M.T, S.M.Z, K.M.N, P.J.C, P.J.K*

## TIMBALAN PENGERUSI



**YM DATO' HAJI TUAN MAMAT BIN TUAN NGAH**
*D.P.M.T, A.S.M, P.J.C, P.J.K., B.L.B*

## AHLI



**YBHG. DATO' HAJAH SAMSIAH BINTI DATO' HAJI AWANG**
*D.P.M.T, A.M.N, P.J.K*



**YBHG. DATO' HAJAH NOR AKMAL BINTI AB. FATAH**
*D.P.M.T, P.J.C, P.J.K, P.L.B*



**TUAN HAJI MARZUKI BIN ENDUT**
*A.M.Z, A.M.T, P.J.K*



**TUAN HAJI MOHD BIN DRAMAN**
*A.M.T*



**TUAN HAJI MD HARUN BIN IBRAHIM**
*P.J.K*



**TUAN HAJI AZHAR BIN JUSOH**
*S.M.T, P.J.K*

# AHLI

Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri Terengganu




# KAKITANGAN

Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri Terengganu

# KEANGGOTAAN SURUHANJAYA



**YBHG. DATO' HAJI MOHD AKIL BIN HAJI MAT**
*D.P.M.T., S.M.Z., K.M.N., P.J.C., P.J.K.*
PENGERUSI

**YM DATO' HAJI TUAN MAMAT BIN TUAN NGAH**
*D.P.M.T., A.S.M., P.J.C., P.J.K., B.L.B.*
TIMBALAN PENGERUSI

**YBHG. DATO' HAJAH SAMSIAH BINTI DATO' HAJI AWANG**
*D.P.M.T., A.M.N., P.J.K.*
AHLI

**YBHG. DATO' HAJAH NOR AKMAL BINTI AB. FATAH**
*D.P.M.T., P.J.C., P.J.K., B.L.B.*
AHLI


TUAN HAJI MARZUKI BIN ENDUT
A.M.Z., A.M.T, P.J.K.
AHLI
TUAN HAJI MOHD BIN DRAMAN
A.M.T.
AHLI
TUAN HAJI MD HARUN BIN IBRAHIM
P.J.K.
AHLI
TUAN HAJI AZHAR BIN JUSOH
S.M.T, P.J.K.
AHLI
ENCIK WAN AHMAD FIRDAUS BIN WAN ABDULLAH
SETIAUSAHA

# KAKITANGAN PEJABAT

ABDUL AZIZ
BIN EMBONG

MOHD HAZROL
BIN MOHD NOR

HAJI HASDI
BIN ZAKARIA

ROSLILY
BINTI ABD. RASHID

HAJAH NORHAYATI
BINTI ABDULLAH

NUR MIZANI
BINTI MAT JUSOH

WAN AHMAD FIRDAUS
BIN WAN ABDULLAH
*(SETIAUSAHA)*





HAJAH MATEENAH BINTI HASSAN
AZMI BIN ISMAIL@MOHAMED
NURSYAZWANI SAFURAA BINTI AHMAD ROSLEE
ZURIMAWATI BINTI MOKHTAR
MOHD AZERIMA BIN MOHD DAHLAM
AZLITA BINTI MUDA
MOHD FOUZI BIN DERAMAN
MOHD ZUL FAQIH BIN MOHD NAZIR

# PENGENALAN

## TUJUAN

Penyata Tahunan ini dikeluarkan mengikut Fasal 56 (13) Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Negeri Terengganu (Bab Yang Pertama) (Pindaan) Tahun 1959 dan merupakan Penyata Yang Kelima Puluh Enam (ke-56) yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri, Terengganu bertujuan untuk menerangkan tentang organisasi, kegiatan dan tugas-tugas yang dijalankan oleh Suruhanjaya dalam tahun 2022.

## PENUBUHAN DAN BIDANG KUASA

Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri, Terengganu ditubuhkan pada 10 Ogos 1959 di bawah Fasal 56 Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Negeri Terengganu (Bab Yang Pertama) (Pindaan) Tahun 1959.

2.1 Di bawah Perkara 56 (9) Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Negeri Terengganu (Bab Yang Pertama) (Pindaan) Tahun 1959, Suruhanjaya bertanggungjawab terhadap pelantikan, pengesahan dalam perkhidmatan, pemberian taraf berpencen dan menjalankan kawalan tatatertib anggota perkhidmatan yang di bawah bidang kuasanya.

2.2 Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri Terengganu juga berfungsi sebagai:-

(i) Lembaga Rayuan Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam Negeri Terengganu.

(ii) Lembaga Rayuan Tatatertib Perkhidmatan Awam Negeri Terengganu.

(iii) Pihak Berkuasa Tatatertib terhadap pegawai yang memegang atau memangku jawatan Setiausaha Kerajaan dan Pegawai Kewangan Negeri.

(iv) Berkuasa untuk membuang kerja atau menurunkan pangkat pegawai dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi dan Kumpulan Pengurusan dan Profesional.

## OBJEKTIF

Objektif Suruhanjaya ialah melaksanakan amanah dan tanggungjawab yang diperuntukkan di bawah Perkara 56 (9) Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Negeri Terengganu (Bab Yang Pertama) (Pindaan) Tahun 1959 dengan memberi perkhidmatan yang cekap, adil dan saksama bagi memenuhi keperluan perjawatan dalam Perkhidmatan Awam Negeri.

## AHLI-AHLI SURUHANJAYA PERKHIDMATAN NEGERI TERENGGANU TAHUN 2022

4.1 Mengikut Syarat (3) Fasal LVI Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Negeri Terengganu (Bab Pertama) (Pindaan) Tahun 2006, keanggotaan Suruhanjaya terdiri dari:-

(i) Seorang Pengerusi

(ii) Seorang Timbalan Pengerusi

(iii) Enam (6) orang Ahli

4.2 Keanggotaan Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri Terengganu adalah sebagaimana berikut:

## PENGERUSI

(i) **YBhg. Dato' Haji Mohd Akil bin Haji Mat**
*D.P.M.T., S.M.Z., K.M.N., P.J.C., P.J.K.*
*(mulai 01.11.2019 hingga sekarang)*

## TIMBALAN PENGERUSI

(ii) **YM Dato' Haji Tuan Mamat bin Tuan Ngah**
*D.P.M.T., A.S.M., P.J.C., P.J.K., B.L.B.*
*(Mulai 01.12.2021 hingga sekarang)*

## AHLI-AHLI

(i) **YBhg. Dato' Hajah Nor Akmal binti Ab. Fatah**
*D.P.M.T., P.J.C., P.J.K., B.L.B.*
*(mulai 01.11.2018 hingga sekarang)*

(ii) **YBhg. Dato' Hajah Samsiah binti Dato' Haji Awang**
*D.P.M.T., A.M.N., P.J.K.*
*(mulai 01.11.2018 hingga sekarang)*

(iii) **Tuan Haji Marzuki bin Endut**
*A.M.Z., A.M.T, P.J.K..*
*(mulai 01.12.2019 hingga sekarang)*

(iv) **Tuan Haji Mohd bin Draman**
*A.M.T.*
*(mulai 01.12.2019 hingga sekarang)*

(v) **Tuan Haji Md Harun bin Ibrahim**
*P.J.K.*
*(mulai 01.12.2019 hingga sekarang)*

(vi) **Tuan Haji Azhar bin Jusoh**
*S.M.T, P.J.K.*
*(mulai 01.12.2021 hingga sekarang)*

# PERUNTUKAN TAHUN 2022

## PERUNTUKAN TAHUN 2022

Peruntukan yang diluluskan oleh Kerajaan Negeri kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri Terengganu mengikut Bajet Tahun 2022 adalah sebanyak RM 1,642,389.98 seperti pecahan maksud berikut :-

| Perkara | Peruntukan(RM) | Perbelanjaan (RM) | Prestasi (%) |
|---|---|---|---|
| T05 | 722,750.00 | 578,010.90 | 79.97 |
| B05 | 919,639.98 | 878,106.41 | 95.48 |
| **JUMLAH** | **1,642,389.98** | **1,456,117.31** | **88.66** |

## Pecahan Maksud Perbelanjaan Tanggungan T05

Sebanyak **RM722,750.00** telah diperuntukkan di bawah maksud tanggungan T05 bagi tanggungan untuk Pengerusi, Timbalan Pengerusi dan enam (6) orang Ahli Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri. Peruntukan perbelanjaan tanggungan mengikut pecahan sebagaimana di bawah:-

**VOT : T05**

| Kod & Nama Program | Peruntukan Diluluskan | Jumlah Peruntukan dipinda | Jumlah Perbelanjaan Sebenar | Peratus % Perbelanjaan |
|---|---|---|---|---|
| | RM | RM | RM | % |
| 15000 | 35,000.00 | 35,000.00 | 9,143.93 | 26.13 |
| 21000 | 85,500.00 | 85,500.00 | 19,069.70 | 22.30 |
| 25000 | 5,700.00 | 5,700.00 | 3,827.38 | 67.15 |
| 27000 | 47,500.00 | 47,500.00 | 19,477.90 | 41.01 |
| 29000 | 526,050.00 | 526,050.00 | 509,492.00 | 96.85 |
| 47000 | 23,000.00 | 23,000.00 | 16,999.99 | 73.91 |
| **Jumlah Besar** | **722,750.00** | **722,750.00** | **578,010.90** | **79.97** |

Peratus Perbelanjaan : **79.97%**

## Pecahan Maksud Perbelanjaan Bekalan B05

Sebanyak **RM919,639.98** telah diperuntukkan di bawah maksud bekalan B05 bagi perbelanjaan kakitangan dan lain-lain urusan pengurusan serta pentadbiran Suruhanjaya. Peruntukan perbelanjaan bekalan mengikut pecahan sebagaimana di bawah:-

| KOD & NAMA PROGRAM | PERUNTUKAN DILULUSKAN | JUMLAH PERUNTUKAN DIPINDA | JUMLAH PERBELANJAAN SEBENAR | PERATUS % PERBELANJAAN |
|---|---|---|---|---|
| | RM | RM | RM | % |
| 11000 | 573,090.48 | 575,090.48 | 573,090.96 | 99.90 |
| 12000 | 164,940.00 | 167,140.00 | 166,763.00 | 99.86 |
| 13000 | 1,152.00 | 2,028.00 | 2,028.00 | 96.62 |
| 14000 | 14,250.00 | 9,050.00 | 5,723.56 | 14.98 |
| 15000 | 10,500.00 | 7,624.00 | 4,691.22 | 94.63 |
| 17000 | 15,000.00 | 18,000.00 | 18,000.00 | 100.00 |
| 21000 | 18,050.00 | 18,050.00 | 16,418.17 | 64.66 |
| 22000 | 950.00 | 950.00 | 0.00 | 0.00 |
| 23000 | 4,750.00 | 8,700.00 | 8,381.26 | 85.62 |
| 24000 | 7,600.00 | 10,076.00 | 7,115.10 | 81.67 |
| 26000 | 3,610.00 | 9,710.00 | 7,709.19 | 76.65 |
| 27000 | 10,830.00 | 14,330.00 | 11,235.60 | 98.38 |
| 28000 | 9,025.00 | 6,549.00 | 4,777.15 | 33.46 |
| 29000 | 77,212.50 | 63,662.50 | 52,173.20 | 84.57 |
| 34000 | 10.00 | 10.00 | 0.00 | 0.00 |
| 35000 | 10.00 | 10.00 | 0.00 | 0.00 |
| 42000 | 8,640.00 | 8,640.00 | 0.00 | 12.50 |
| 47000 | 10.00 | 10.00 | 0.00 | 0.00 |
| 48000 | 10.00 | 10.00 | 0.00 | 0.00 |
| **Jumlah Besar** | **919,639.98** | **919,639.98** | **878,106.41** | **95.48** |

Peratus Perbelanjaan : **95.48%**

# PERKHIDMATAN JABATAN

## PERSIDANGAN DAN MESYUARAT SURUHANJAYA

Dalam tahun 2022 Suruhanjaya telah mengadakan Persidangan dan Mesyuarat Suruhanjaya sebagaimana pecahan berikut:-

### PERSIDANGAN

| | |
|---|---|
| (i) Persidangan Bulanan | 10 kali |
| (ii) Persidangan Khas | 3 kali |
| (iii) Persidangan Lembaga Rayuan Tatatertib | 1 kali |
| (iv) Persidangan Lembaga Rayuan Kenaikan Pangkat | 1 kali |
| **JUMLAH** | **15 kali** |

### MESYUARAT

| | |
|---|---|
| (i) Mesyuarat Penyata Tahunan | 2 kali |
| (ii) Mesyuarat Pengurusan | 2 kali |
| (iii) Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aset Kerajaan | 3 kali |
| (iv) Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Akaun | 3 kali |

## PENGAMBILAN

Berikut adalah permohonan pengisian jawatan tetap di bawah pentadbiran Negeri Terengganu yang telah dilaksanakan oleh Suruhanjaya. Iklan jawatan telah di buat di akhbar utama iaitu Berita Harian.

Suruhanjaya telah menerima 47,907 permohonan bagi 11 jawatan pelbagai gred dan skim yang di iklankan bagi mengisi 202 kekosongan di Pentadbiran Negeri Terengganu.

### PENGAMBILAN BAGI TAHUN 2022

| BIL. | JAWATAN | JUMLAH PERMOHONAN | BILANGAN CALON BERJAYA |
|---|---|---|---|
| 1 | Pegawai Teknologi Maklumat Gred F41 | 2,677 | 1 |
| 2 | Penolong Pegawai Teknologi Maklumat Gred FA29 | 5,422 | 3 |
| 3 | Penolong Jurutera Gred JA29 | 4,083 | 26 |
| 4 | Penolong Pegawai Seni Bina Gred JA29 | 2,375 | 5 |
| 5 | Penolong Pegawai Syariah Gred LS29 | 2,389 | 4 |
| 6 | Pembantu Syariah Gred LS19 | 5,376 | 6 |
| 7 | Pelukis Pelan (Kejuruteraan Awam) Gred JA19 | 1,871 | 6 |
| 8 | Pelukis Pelan (Seni Bina) Gred JA19 | 1,813 | 2 |
| 9 | Penghantar Notis Gred N11 | 8,148 | 14 |
| 10 | Pembantu Operasi Gred N11 | 9,807 | 55 |
| 11 | Pemandu Kenderaan Gred H11 | 3,946 | 80 |
| | **JUMLAH** | **47,907** | **202** |

# PERKHIDMATAN

## PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN TAHUN 2022

| BIL. | KUMPULAN PERKHIDMATAN | DISAHKAN |
|---|---|---|
| | **PENGURUSAN DAN PROFESIONAL** | |
| 1. | PEGAWAI TADBIR NEGERI GRED N41 | 1 |
| 2. | PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN GRED DG41 | 2 |
| 3. | PEGAWAI SYARIAH GRED LS41 | 6 |
| 4. | PEGAWAI HAL EHWAL ISLAM GRED S41 | 3 |
| | **JUMLAH** | **12** |
| | **PELAKSANA** | |
| 1. | PENOLONG PEGAWAI TADBIR GRED N29 | 10 |
| 2. | PENGHULU GRED NP29 | 6 |
| 3. | PENOLONG JURUTERA GRED JA29 | 5 |
| 4. | PENOLONG PEGAWAI HAL EHWAL ISLAM GRED S29 | 9 |
| 5. | PENOLONG JURUAUDIT GRED W29 | 1 |
| 6. | PENOLONG PEMELIHARA HUTAN GRED G29 | 5 |
| 7. | PENOLONG PEGAWAI VETERINAR GRED G29 | 1 |
| 8. | PENOLONG PEGAWAI TANAH GRED NT29 | 2 |

| | | |
|---|---|---|
| 9. | PENGAWAS HUTAN GRED G19 | 27 |
| 10. | PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN / OPERASI) GRED N19 | 48 |
| 11. | PEMBANTU SETIAUSAHA PEJABAT GRED N19 | 1 |
| 12. | JURUTEKNIK KOMPUTER GRED FT19 | 1 |
| 13. | PELUKIS PELAN GRED JA19 | 5 |
| 14. | PEMBANTU TADBIR (KEWANGAN) GRED W19 | 3 |
| 15. | PEMBANTU KEMAHIRAN GRED H19 | 1 |
| 16. | PEMBANTU OPERASI GRED N11 | 9 |
| 17. | PEMBANTU AWAM GRED H11 | 102 |
| 18. | PEMANDU KENDERAAN GRED H11 | 50 |
| | **JUMLAH BESAR** | **286** |

## KEMASUKAN KE DALAM PERJAWATAN BERPENCEN TAHUN 2022

| BIL. | KUMPULAN PERKHIDMATAN | DISAHKAN |
|---|---|---|
| | **PENGURUSAN DAN PROFESIONAL** | |
| 1. | PEGAWAI SYARIAH GRED LS41 | 9 |
| 2. | PEGAWAI TADBIR NEGERI GRED N41 | 35 |
| 3. | PEGAWAI HAL EHWAL ISLAM GRED S41 | 1 |
| 4. | PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN GRED DG41 | 22 |
| | **JUMLAH** | **67** |
| | **PELAKSANA** | |
| 1. | PENOLONG PEGAWAI VETERINAR GRED G29 | 2 |
| 2. | PENOLONG PEGAWAI PERTANIAN GRED G29 | 2 |
| 3. | PENOLONG JURUAUDIT GRED W29 | 1 |
| 4. | PENOLONG PEMELIHARA HUTAN GRED G29 | 3 |
| 5. | PENGHULU GRED NP29 | 5 |
| 6. | PENOLONG PEGAWAI TADBIR GRED N29 | 11 |
| 7. | PENOLONG PEGAWAI HAL EHWAL ISLAM GRED S29 | 7 |
| 8. | PENOLONG PEGAWAI TANAH GRED NT29 | 2 |
| 9. | PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN / OPERASI) GRED N19 | 8 |

| | | |
|---|---|---|
| 10. | PEMBANTU TADBIR (KEWANGAN) GRED W19 | 20 |
| 11. | PENGAWAS HUTAN GRED G19 | 16 |
| 12. | PEMBANTU SETIAUSAHA PEJABAT GRED N19 | 1 |
| 13. | PEMBANTU OPERASI GRED N11 | 15 |
| 14. | PEMBANTU AWAM GRED H11 | 96 |
| 15. | PEMANDU KENDERAAN GRED H11 | 25 |
| | **JUMLAH** | **214** |

## PELANJUTAN TEMPOH PERCUBAAN TAHUN 2022

| BIL. | KUMPULAN PERKHIDMATAN | PERMOHONAN DITERIMA | LULUS | TOLAK |
|---|---|---|---|---|
| PELAKSANA | | | | |
| 1. | PENOLONG JURUAUDIT GRED W29 | 1 | 1 | - |
| 2. | PENOLONG PEGAWAI PERTANIAN GRED G29 | 2 | 2 | - |
| 3. | PENOLONG PEGAWAI TANAH GRED NT29 | 1 | 1 | - |
| 3. | PENGAWAS HUTAN GRED G19 | 12 | 12 | - |
| 4. | PEMBANTU TADBIR (KEWANGAN) GRED W19 | 4 | 4 | - |
| | JUMLAH | 20 | 20 | - |

## RAYUAN PELARASAN GAJI
## TAHUN 2022

| BIL. | KUMPULAN PERKHIDMATAN | PERMOHONAN DITERIMA | LULUS | TOLAK |
|---|---|---|---|---|
| **PENGURUSAN DAN PROFESIONAL** | | | | |
| 1. | PEGAWAI SYARIAH GRED LS41 | 1 | - | 1 |
| | **JUMLAH** | **1** | **-** | **1** |
| **PELAKSANA** | | | | |
| 1. | PENOLONG JURUTERA GRED JA29 | 5 | 5 | - |
| 2. | PENOLONG PEGAWAI TANAH GRED NT29 | 2 | 2 | - |
| 3. | PENOLONG PEMELIHARA HUTAN GRED G29 | 1 | 1 | - |
| 4. | PEMBANTU TADBIR (KEWANGAN) GRED W19 | 6 | 6 | - |
| 5. | PENGAWAS HUTAN GRED G19 | 2 | 2 | - |
| 6. | PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN / OPERASI) GRED N19 | 4 | 3 | 1 |
| 7. | PEMBANTU KEMAHIRAN GRED H19 | 6 | 6 | - |
| 8. | PEMBANTU AWAM GRED H11 | 8 | 8 | - |
| | **JUMLAH** | **34** | **33** | **1** |

# PELANTIKAN SECARA KONTRAK TAHUN 2022

| BIL. | KUMPULAN PERKHIDMATAN | JUMLAH |
|---|---|---|
| | **PENGURUSAN DAN PROFESIONAL** | |
| 1. | PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN GRED DG41 | 1 |
| | **JUMLAH** | **1** |

## PERTUKARAN PERKHIDMATAN TAHUN 2022

| BIL. | KUMPULAN PERKHIDMATAN | PERMOHONAN DITERIMA | LULUS | TOLAK |
|---|---|---|---|---|
| | **PENGURUSAN DAN PROFESIONAL** | | | |
| 1. | PENOLONG PEGAWAI PERTANIAN GRED G29 | 1 | 1 | - |
| | **JUMLAH** | **1** | **1** | **-** |

## PERTUKARAN SKIM PERKHIDMATAN TAHUN 2022

| BIL. | KUMPULAN PERKHIDMATAN | PERMOHONAN DITERIMA | LULUS | TOLAK |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Tiada | - | - | - |
| | JUMLAH | - | - | - |

## LEMBAGA RAYUAN TATATERTIB
## TAHUN 2022

| BIL. | KUMPULAN PERKHIDMATAN | PERMOHONAN DITERIMA | LULUS | TOLAK |
|---|---|---|---|---|
| PELAKSANA | | | | |
| 1. | PEMBANTU AWAM GRED H11 | 2 | - | 2 |
| | **JUMLAH** | **2** | **-** | **2** |

# LEMBAGA RAYUAN KENAIKAN PANGKAT TAHUN 2022

| BIL. | KUMPULAN PERKHIDMATAN | PERMOHONAN DITERIMA | LULUS | TOLAK |
|---|---|---|---|---|
| PENGURUSAN DAN PROFESIONAL | | | | |
| 1. | PEGAWAI SYARIAH GRED LS44 | 1 | - | 1 |
| | **JUMLAH** | **1** | **-** | **1** |

## PENGESAHAN TUKAR LANTIK MELALUI OPSYEN TAHUN 2022

| BIL. | KUMPULAN PERKHIDMATAN | PERMOHONAN DITERIMA | LULUS | TOLAK | JAWATAN BARU |
|---|---|---|---|---|---|
| **PELAKSANA** | | | | | |
| 1. | PENOLONG PEGAWAI TANAH GRED NT29 | 6 | 6 | - | - |
| 2. | PEMBANTU KEMAHIRAN GRED H19 | 1 | 1 | - | - |
| 3. | PEMBANTU HAL EHWAL ISLAM GRED S19 | 1 | 1 | - | - |
| 4. | PEMANDU KENDERAAN GRED H11 | 3 | 3 | - | - |
| 5. | PEMBANTU OPERASI GRED N11 | 3 | 3 | - | - |
| | **JUMLAH** | **14** | **14** | **-** | **-** |

## PERLANTIKAN SECARA PEMINJAMAN SEMENTARA TAHUN 2022

| BIL. | KUMPULAN PERKHIDMATAN | PERMOHONAN DITERIMA | LULUS | TOLAK |
|---|---|---|---|---|
| | **PENGURUSAN DAN PROFESIONAL** | | | |
| 1. | PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN GRED DG54 (KUP) KEPADA PENGETUA SEKOLAH MENENGAH ISLAM DARUL IMAN | 1 | 1 | - |
| | **JUMLAH** | **1** | **1** | **-** |

# PENAMATAN PERKHIDMATAN
# TAHUN 2022

| BIL. | KUMPULAN PERKHIDMATAN | JUMLAH |
|---|---|---|
| | **PELAKSANA** | |
| 1. | PEMANDU KENDERAAN GRED H11 | 1 |
| | **JUMLAH** | **1** |

# AKTIVITI
# TAHUN 2022

## Mesyuarat Agung Kelab Kebajikan dan Sukan bertempat di Bilik Mesyuarat Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri Terengganu pada 17 Mac 2022









# Program Gotong-Royong di Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri Terengganu pada 24 Mac 2022










# Suasana Sambutan Jamuan Hari Raya di Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri Terengganu pada 25 Mei 2022










## Majlis Pertukaran Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri Terengganu iaitu Encik Mohd Shahril Bin Shamsuddin pada 24 Ogos 2022 di Taman Tamadun Islam (TTI)






## Perbincangan Proses Pengambilan bersama Pihak SUK dan Jabatan Pendidikan Islam Negeri Terengganu (JPINT) pada 6 September 2022









## Kunjung Hormat daripada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Johor pada 05 Oktober 2022









## Kunjung Hormat daripada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Selangor pada 10 Oktober 2022









## Majlis Ramah Mesra Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri Terengganu di Taman Tamadun Islam (TTI) pada 26 Oktober 2022









## Kejohanan Bowling di Coral Crown Bowl, PB Sentral pada 20 November 2022










## Program Fun Run Mental Health 2022 anjuran Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam (AKRAB) Pejabat Setiausaha Kerajaan Terengganu pada 26 November 2022













# Penghargaan

Pihak SPNT merakamkan setinggi-tinggi ucapan terima kasih di atas kerjasama semua pihak dalam membantu Suruhanjaya melaksanakan tugasnya dan menghasilkan Laporan Tahunan tahun 2022. Terima kasih juga diucapkan kepada pihak SUK di atas kerjasama dan komitmen yang diberikan dalam memastikan kelancaran setiap fungsi Suruhanjaya serta sokongan padu sepanjang tahun 2022.

Semoga pihak Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri Terengganu dapat mengekalkan prestasi yang cemerlang dan meningkatkan lagi usaha supaya menjadi sebuah jabatan yang berdaya maju serta terbilang.

# Penutup

PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN
NEGERI TERENGGANU,
Tingkat 7, Wisma Negeri,
20200 Kuala Terengganu.

Bertarikh : 1 Januari 2023

Rekabentuk dan dicetak oleh :

**SYARIKAT PERCETAKAN YAYASAN ISLAM TERENGGANU SDN. BHD.** **(144692-D)**
Lot SK 53, Kawasan Perindustrian Gong Badak, 21300 Kuala Nerus, Terengganu.
Tel: 609-666 8611 / 6652 / 8601 Faks: 609-666 0611 / 0063
Emel: marketing.dept0615@gmail.com • spyit.sale@gmail.com • spyit.cs@gmail.com

23-0410 • 2023 • sham

Spyit SB
Spyit_terengganu
Spyit SB